



LAPORAN TAHUNAN **LEMBAGA KEBAJIKAN HAIWAN 2024**



KANDUNGAN

»» Kata Pengantar	→	1
»» Keanggotaan Lembaga Kebajikan Haiwan	→	2 - 6
»» Visi, Misi & Perancangan	→	7
»» Ringkasan Eksekutif	→	8 - 9
»» Laporan Aktiviti		
Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)	→	10 - 49
Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sabah	→	50 - 73
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)	→	74 - 79
Jabatan Kerajaan Tempatan/Pihak Berkuasa Tempatan (JKT/PBT)	→	80 - 89
Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	→	90 - 94
Universiti Putra Malaysia (UPM)	→	95 - 101



KATA PENGANTAR

Dalam tempoh kebelakangan ini, Malaysia berdepan dengan pelbagai cabaran kebajikan haiwan termasuk isu haiwan terbiar, tahap kesedaran awam yang pelbagai, isu pengendalian dan pengurusan haiwan dalam sektor komersial, serta keperluan penyelarasan rentas agensi bagi menangani kes pengabaian dan penganiayaan haiwan dengan lebih berkesan. Perubahan landskap sosial, urbanisasi pesat dan sikap rakyat yang semakin sensitif terhadap isu kebajikan haiwan turut menuntut pendekatan yang lebih holistik dan berasaskan bukti saintifik.

Usaha penambahbaikan kebajikan haiwan memerlukan pendekatan yang lebih tersusun dan mampan, termasuk pengukuhan tadbir urus, penguatkuasaan yang lebih cekap, peningkatan kapasiti dan kompetensi sumber manusia, pemerkasaan pendidikan dan advokasi awam, serta kerjasama strategik dengan industri, NGO dan institusi penyelidikan amat penting bagi memastikan standard kebajikan haiwan negara sentiasa selari dengan amalan terbaik antarabangsa.

Disini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua anggota Lembaga Kebajikan Haiwan dan semua pihak yang telah menyumbang tenaga, kepakaran dan komitmen dalam memperkukuh agenda kebajikan haiwan di Malaysia sepanjang tahun laporan 2024. Saya percaya laporan ini bukan sahaja menjadi rujukan penting kepada semua pihak yang terlibat, tetapi juga mencerminkan komitmen berterusan kerajaan dalam memastikan kebajikan haiwan dipelihara secara menyeluruh. Semoga laporan ini menjadi pemangkin kepada usaha berterusan untuk mempertingkatkan standard kebajikan haiwan di Malaysia, selaras dengan matlamat negara menuju pembangunan yang lebih mampan, beretika dan berperikemanusiaan.

Datuk Dr. Mohd Noor Hisham bin Mohd Haron
Pengerusi Lembaga Kebajikan Haiwan
November 2025

KEANGGOTAAN LEMBAGA KEBAJIKAN HAIWAN

Lembaga Kebajikan Haiwan ditubuhkan di bawah Seksyen 3, Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772). Antara fungsi Lembaga adalah memantau kerja-kerja persatuan atau badan yang ditubuhkan dan kerja-kerja perlindungan haiwan bagi mengelakkan haiwan daripada dianiaya dan menderita. Lembaga juga bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan serta promosi berkaitan kebajikan haiwan, bertanggungjawab menasihati Menteri berkaitan perkara-perkara yang bersabit dengan kebajikan haiwan serta mentadbir dan menguatkuasakan Akta Kebajikan Haiwan 2015.



Pengerusi

YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar



Timbalan Pengerusi

YBrs. Dr. Rohaya binti Mohd Ali

Jabatan Perkhidmatan Veterinar



Setiausaha

YBrs. Dr. Marzuna binti Md Yunus

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

ANGGOTA TETAP & SILIH GANTI



Anggota Tetap

YH. Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim
Ketua Pengarah PERHILITAN



Anggota Tetap

YBhg. Dato' Adnan bin Hussain
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia



Anggota Tetap

YBhg. Dato' Mohd Fadzli bin Mohd Kenali
Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan



Anggota Tetap

YBhg. Prof. Dr. Goh Yong Meng
Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, UPM

ANGGOTA TETAP & SILIH GANTI



Anggota Tetap

YBrs. En. Jazman Azi bin Jamalludin

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan



Anggota Tetap

YBrs. Puan Hajah Noraini binti Kamaruddin

Kementerian Pendidikan Malaysia



Anggota Tetap

YBrs. Dr. Anita binti Suleiman

Kementerian Kesihatan Malaysia



Anggota Tetap

YBrs. Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

ANGGOTA TETAP & SILIH GANTI



Anggota Ex-Officio

YBrs. Dr. Mary Josephine

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah



Anggota Ex-Officio

YBhg. Datu Dr. Adrian Susin Ambud

Pengarah Perkhidmatan Veterinar Sarawak



Anggota Silih Ganti

YBrs. Cik Kamariyah binti Mokhtar

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan



Anggota Silih Ganti

YBhg. Dr. Syamira Syazuana binti Zaini

Universiti Putra Malaysia

ANGGOTA TETAP & SILIH GANTI



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Anggota Silih Ganti

YBrs. Pn. Sarina binti Salim

Kementerian Pendidikan Malaysia



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Anggota Silih Ganti

YBrs. Dr. Husnina binti Ibrahim

Kementerian Kesihatan Malaysia

VISI, MISI & PERANCANGAN KEBAJIKAN HAIWAN DI MALAYSIA

V I S I

Malaysia menjadi sebuah negara maju yang mempunyai masyarakat penyayang dengan mengamalkan piawaian kebajikan haiwan dan ihsan kepada haiwan.

M I S I

Amalan kebajikan haiwan dipraktikkan di dalam pengurusan haiwan bagi mematuhi piawaian yang ditetapkan mengikut perundangan serta selari dengan piawaian antarabangsa.

P E R A N C A N G A N

Pelan Strategik Kebajikan Haiwan 2021-2030 menyediakan kerangka kerja bagi pelan pembangunan kebajikan haiwan di Malaysia untuk tahun 2021-2030. Pelan ini menggariskan tiga strategi utama yang perlu dilaksanakan bagi memastikan pemunya bertanggungjawab haiwan dan penerapan kebajikan haiwan dapat dipertingkatkan secara berterusan di Malaysia. Strategi-strategi tersebut ialah, untuk memperkukuhkan penguatkuasaan Akta Kebajikan Haiwan 2015 serta undang-undang berkaitan, mewujudkan kerjasama dengan pelbagai pihak bagi pembangunan kebajikan haiwan dan menjadikan Malaysia sebagai peneraju penyelidikan kebajikan haiwan di rantau ini.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pada tahun 2024 ini, Lembaga Kebajikan Haiwan terus memperkukuhkan peranannya sebagai badan yang menyelaras dan mengurus tadbir kebajikan haiwan negara melalui program pendidikan, penguatkuasaan, libat urus serta pemantauan merentas pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Laporan tahun ini menghimpunkan pelaksanaan aktiviti oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS), DVS Sabah, PERHILITAN, Jabatan Kerajaan Tempatan/ PBT, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia, yang keseluruhannya menunjukkan komitmen terhadap kebajikan haiwan di Malaysia.

Pada tahun 2024, DVS dan agensi berkaitan telah melaksanakan ratusan program merangkumi taklimat undang-undang, latihan kompetensi, pemeriksaan premis, bengkel pembangunan kapasiti, serta kempen kesedaran awam. Sesi libat urus DVS-PBT yang dijalankan di seluruh negara berjaya memperkukuh pemahaman peranan dan punca kuasa setiap pihak dalam pengurusan haiwan terbiar, termasuk isu aduan kacau ganggu, pelesenan, pemandulan dan pemilikan haiwan bertanggungjawab. Beberapa inisiatif besar seperti Sambutan Hari Kebajikan Haiwan 2024, program adopsi, kempen #LuvYourPet, penganjuran pertandingan pidato, dan Pembangunan Pek Sumber Kebajikan Haiwan @ Prasekolah turut menyumbang kepada peningkatan pendidikan dan advokasi Masyarakat.

DVS Sabah menunjukkan peningkatan signifikan melalui penganjuran kursus sukarelawan, pemeriksaan premis, lawatan ke paun, dan penganjuran ekspo besar seperti Pet Kingdom Expo 2024. PERHILITAN pula menjalankan pemantauan berkala ke atas premis pembiakbakaan dan pusat konservasi bagi memastikan aspek kebajikan hidupan liar sentiasa dipatuhi. JKT melaksanakan Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar 2024 yang berjaya meningkatkan pelesenan anjing, pendaftaran adopsi, dan kesedaran komuniti tentang pengurusan populasi anjing secara bertanggungjawab. KKM turut menonjol melalui Program Libat Urus Komuniti Rabies yang mengaplikasikan pendekatan One Health.

RINGKASAN EKSEKUTIF

UPM pula menyumbang melalui penyelidikan, webinar, program pemandulan bersubsidi serta aktiviti advokasi pelajar.

Secara keseluruhan, tahun 2024 menunjukkan kemajuan yang konsisten dalam pengukuhan Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Enakmen berkaitan serta peningkatan kesedaran dan kompetensi kebajikan haiwan melalui pendekatan pendidikan, pengawalseliaan, dan kerjasama rentas agensi. Pencapaian ini menjadi asas kepada usaha memperkukuh tadbir urus kebajikan haiwan negara selaras dengan Pelan Strategik Kebajikan Haiwan 2021-2030, dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai negara penyayang yang mengamalkan piawaian Kebajikan haiwan bertaraf antarabangsa.



LAPORAN AKTIVITI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)

SENARAI AKTIVITI SEKSYEN KEBAJIKAN HAIWAN

Bil.	Aktiviti	Lokasi	Tarikh
1.	Program Libat Urus DVS, Pihak Berkuasa Tempatan dan NGO – Penang	DVS Penang	30 Januari 2024
2.	Kursus Pendaftar Kad Pengenalan Haiwan Akta Kebajikan Haiwan 2015	Fakulti Perubatan Veterinar, UPM	19-20 Februari 2024
3.	Kempen ‘Kita Jaga Kuda’ :Taklimat Kebajikan Dan Penjagaan Kuda Di Malaysia Pengenalan Akta Kebajikan Haiwan 2015	Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia.	28 Februari 2024
4.	Bengkel Pembangunan Kapasiti GMAC dan Jkg anjuran Jabatan Biokeselamatan Akta Kebajikan Haiwan 2015 Dan Jawatankuasa Etika Haiwan (IACUC)	Double Tree Hilton, Putrajaya.	7 Mac 2024
5.	Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2024 Kebajikan Haiwan Tanggungjawab Kita	MAEPS, Serdang	25 - 28 April 2024

Bil.	Aktiviti-Aktiviti	Lokasi	Tarikh
6.	Kursus Kesedaran Perundangan Melibatkan Haiwan Kepada Penggiat Industri Haiwan Kesayangan Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) Pelesenan Aktiviti Melibatkan Haiwan Di Bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015	Ace Club – Amerin, Balakong	29 – 30 April 2024
7.	Kursus Pemeriksa Daging Bagi Kakitangan Teknikal Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perak Tahun 2024	Institut Penyelidikan Veterinar, Ipoh Perak	7 Mei 2024
8.	Program Libat Urus DVS Bersama Pihak Berkuasa Tempatan - Negeri Sembilan	DVS Negeri Sembilan	14 Mei 2024
9.	Kursus Kebajikan Haiwan Bagi Pegawai Kebajikan Haiwan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor Tahun 2024	Pustaka Raja, Shah Alam Selangor	20 Mei 2024

Bil.	Aktiviti-Aktiviti	Lokasi	Tarikh
10.	Sesi Taklimat Penyembelihan Korban Sempena Hari Raya Aidil Adha 2024 Bagi W.P Kuala Lumpur / Putrajaya Kebajikan Haiwan Dalam Pengurusan Haiwan Korban	Institut Pengurusan Veterinar, Cheras	7 Jun 2024
11.	Tazkirah Kebajikan Haiwan Dalam Pengurusan Haiwan Korban	Masjid Al-Ikhlasih, Pantai Dalam	7Jun 2024
12.	Program Libat Urus DVS Bersama Pihak Berkuasa Tempatan – Kelantan	Kompleks Darul Naim, Kelantan	10 Jun 2024
13.	Program #Luvyourpet MDSB 2024 Anjuran Majlis Daerah Sabak Bernam	Gelanggang Bola Keranjang, Jalan Bagan, Bagan Sungai Besar	29 Jun 2024
14.	Program Libat Urus DVS Bersama Pihak Berkuasa Tempatan – Labuan	Menara Perbadanan Labuan	4 Julai 2024
15.	Program Libat Urus DVS Bersama Pihak Berkuasa Tempatan – Pahang	Ibu Pejabat DVS Pahang	10 Julai 2024

Bil.	Aktiviti-Aktiviti	Lokasi	Tarikh
16.	Karnival Kebajikan Haiwan Anjuran Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kedah. Pemilikan Haiwan Yang Bertanggungjawab Berdasarkan Akta Kebajikan Haiwan 2015	Taman Jubli Emas, Alor Star	21 Julai 2024
17.	Kursus Pemantapan Fungsi Jawatankuasa Penjagaan dan Penggunaan Haiwan Makmal (ACUC-MOH) 2024 Peranan, Keahlian Dan Tanggungjawab IACUC Dalam Etika Penggunaan Dan Kebajikan Haiwan	NIH Setia Alam	30 Julai 2024
18.	Karnival Kucing Madani Kepentingan Menjaga Kebajikan Haiwan	Insitut Latihan DBKL (LDB)	11 Ogos 2024
19.	Taklimat Promosi Akta Kebajikan Haiwan 2015 Dalam Sesi Taklimat Promosi Noss Bagi Q881-002-2/3:2019 Perkhidmatan Penjagaan Kuda/Penyeliaan Berkuda (Terapi) Anjuran MEM & PTBKM	Damai Di Desa Keroma Eco Resort, Muar	7 September 2024

Bil.	Aktiviti-Aktiviti	Lokasi	Tarikh
20.	Sesi Taklimat Promosi Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) bagi Perkhidmatan Penjagaan Kuda/Penyeliaan Berkuda (Terapi)	Bangi Resort Hotel, Bangi, Selangor	9 September 2024
21.	Bengkel Undang-Undang Kecil (UUK) Haiwan Merayau, PBT Negeri Johor	Johor Bahru, Johor	9 September 2024
22.	Taklimat Promosi Kebajikan Haiwan, Akta 772, Kod Amalan Kebajikan Haiwan Kepada Penggiat Industri Kuda Anjuran MEM	Hotel Seri Malaysia, Kulim Kedah	14 September 2024
23.	Program Pemandulan Anjing Pawsitive Forum Ke Arah Zero Stray	Majlis Daerah Gopeng	28 September 2024
24.	Ceramah Kesedaran Pemilikan Haiwan Bertanggungjawab Sempena Sambutan Hari Rabies JPV Perlis	DVS Perlis	26 September 2024
25.	Kursus Kebajikan Haiwan Dalam Aktiviti Pelupusan Ternakan - Poltri	Institut Pengurusan Veterinar, Cheras	2 Oktober 2024

Bil.	Aktiviti-Aktiviti	Lokasi	Tarikh
26.	Program Libat Urus DVS Bersama Pihak Berkuasa Tempatan – Kedah	Bangunan UTC, Alor Star, Kedah	2 Oktober 2024
27.	Bengkel Memperkasakan Keberkesanan Garis Panduan Jawatankuasa Penjagaan Dan Penggunaan Haiwan Makmal (ACUC-MOH) Dalam Penggunaan Aktiviti Saintifik	Scapes Hotel, Genting Highland, Pahang	9 Oktober 2024
28.	Kursus Penternakan Ruminan Kecil Anjuran Risda	Pusat Latihan Risda, Port Dickson, N. Sembilan	9 Oktober 2024
29.	Kursus Pengurusan Anjing Terbiar Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (Zon Semenanjung)	Dewan Orang Ramai Simpang Lima, Selangor	15 Oktober 2024
30.	Latihan Pembangunan Kompetensi Penternakan Lembu Tenusu	Nilai Springs Resort Hotel, Nilai N.Sembilan	16 Oktober 2024
31.	Kursus Induksi Pemeriksaan Daging Negeri Terengganu	Institut Veterinar Wilayah Timur, Dungun Terengganu	22 Oktober 2024

Bil.	Aktiviti-Aktiviti	Lokasi	Tarikh
32.	Konvensyen Pihak Berkuasa Tempatan 2024 Pengurusan Anjing Terbiar oleh PBT Berdasarkan Prinsip Kebajikan Haiwan	Dewan Sivik, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)	26 Oktober 2024
33.	Program Libat Urus DVS Bersama Pihak Berkuasa Tempatan – Melaka	DVS Melaka	6 November 2024
34.	Program Libat Urus DVS Bersama Pihak Berkuasa Tempatan – Perlis	Ibu Pejabat DVS Perlis	7 November 2024
35.	Sambutan Rabies Sedunia Taklimat Berhubung Pemilikan Haiwan Yang Bertanggungjawab Berdasarkan Akta Kebajikan Haiwan 2015	Palm Mall Seremban	9 November 2024
36.	Mesyuarat Lembaga Kebajikan Haiwan	DVS Putrajaya	18 November 2025
37.	Kursus Ternakan Kambing Pedaging/Bebiri	Klana Resort, Seremban, N. Sembilan	19 November 2024

Bil.	Aktiviti-Aktiviti	Lokasi	Tarikh
38.	Seminar Keharmonian Kuda , Kesedaran Tentang Kebajikan Kuda	Live YouTube, Facebook	17 Disember 2024
39.	Diskusi Meja Bulat Berkenaan Kesedaran, Pengurusan Dan Kemampanan Haiwan Di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Dan Masjid- Masjid Di Bawah Wilayah Persekutuan Dan Putrajaya Akta Kebajikan Haiwan 2015: Polisi Dan Implementasi	UIA Gombak	19 Disember 2024
40.	Kawal selia Kebajikan Haiwan	Semenanjung Malaysia	Sepanjang tahun 2024



MESYUARAT LEMBAGA KEBAJIKAN HAIWAN 2024

Lembaga dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan seorang pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Veterinar berperanan sebagai Timbalan Pengerusi yang dilantik oleh Menteri.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sabah dan Sarawak adalah berperanan sebagai Anggota Ex-Officio. Setiausaha Lembaga adalah pegawai kanan Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang juga dilantik oleh Menteri.

Pada tahun 2024 hanya satu mesyuarat dapat dilaksanakan iaitu Mesyuarat Lembaga Kebajikan Haiwan Kali Ke-7 pada 18 November 2024.



SAMBUTAN HARI KEBAJIKAN HAIWAN 2024

Hari Kebajikan Haiwan 2025 telah diadakan pada 27-28 Julai 2024 di Kg Agong, Pulau Pinang dan Arena Spice, Bayan Lepas Pulau Pinang dengan kerjasama DVS Negeri Pulau Pinang dan Murni Ekspo. Objektif Hari Kebajikan Haiwan 2025 adalah:

1. Mempromosi kebajikan haiwan di Malaysia
2. Menjadikan pemilikan haiwan bertanggungjawab menjadi amalan setiap golongan masyarakat
3. Memupuk kesedaran awam kepada masyarakat di Malaysia berhubung tanggungjawab, ehsan, kasih sayang dan keprihatinan kepada haiwan.

Majlis perasmian Hari Kebajikan Haiwan 2024 bertempat di Kampung Agong, Penaga (25 Julai 2024)

- Hari Kebajikan Haiwan 2024 ini telah dirasmikan oleh YB Fahmi Zainol, Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan, Koperasi Pulau Pinang, YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, dan YBrs. Dr. Saira Banu binti Mohamed Rejab, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang.
- YB Fahmi Zainol, Exco Agroteknologi, Keterjaminan Makanan dan Pembangunan, Koperasi Pulau Pinang, bersama YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar tidak melepaskan peluang untuk melawat Mini Petting Zoo di sekitar tapak perasmian.



- Sempena Pet Expo 2024, Seksyen Kebajikan Haiwan juga telah menjalankan aktiviti pertandingan mewarna untuk memeriahkan lagi expo tersebut.
- Pet Expo yang bermula pada 27 dan 28 Julai di Spice Arena, Pulau Pinang.



- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang dengan kerjasama Bahagian Regulatori Veterinar, DVS Putrajaya telah menganjurkan Pertandingan Pidato Sempena Hari Kebajikan Haiwan 2024 pada 16 Julai 2024. Pertandingan melibatkan 14 orang peserta Tingkatan 6 daripada 10 buah sekolah menengah di Negeri Pulau Pinang bertemakan "Haiwan Kita Tanggungjawab Kita" antara lain bertujuan bagi mempromosikan kebajikan haiwan di Malaysia dan menjadikan pemilikan haiwan bertanggungjawab menjadi amalan setiap golongan masyarakat



PENYERAHAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA PRESIDEN LASAM



Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Presiden LASAM, Kapten Dr. John Shia oleh Pengarah BRV, Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak di atas sumbangan aktif Persatuan di dalam pembangunan kebajikan haiwan di negara ini pada 17 Januari 2024.

SESI PENGGAMBARAN KEMPEN KITA JAGA KUDA



Sekitar sesi penggambaran bagi tujuan kempen Kita Jaga Kuda bertempat di Ikhwan Equestrian Rawang, Selangor pada 17 Januari 2024.

MEOWXOTICA FIESTA - FIFE INTERNATIONAL CAT SHOW 1-4 FEBRUARI 2024



Pasukan Seksyen kebajikan haiwan membuka reruai di Auditorium Cempaka Sari Kompleks Perbadanan , Presint 3 Putrajaya sempena Meowxotica Fiesta - Fife International Cat Show.

KURSUS PENDAFTAR KAD PENGENALAN HAIWAN (ANIMAL PASSPORT)



Taklimat Akta Kebajikan Haiwan yang disampaikan oleh Dr. Ani Yardi sempena Kursus Pendaftar Kad Pengenalan Haiwan (Animal Passport) bertempat di Fakulti Perubatan Veterinar pada 19-20 Februari 2024.

BENGKEL PEMBANGUNAN RESOURCE PACK MODUL PDP SIRI 2



Bengkel Pembangunan Resource Pack Modul PdP Penerapan Nilai Kebajikan Haiwan dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak (Siri 2) yang telah diadakan di Institut Pengurusan Veterinar pada 26-27 Februari 2024.

TAKLIMAT KEBAJIKAN DAN PENJAGAAN KUDA DI MALAYSIA



Taklimat Kebajikan dan Penjagaan Kuda di Malaysia bertempat di Auditorium Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia pada 28 Februari 2024.

BENGKEL PEMBANGUNAN KAPASITI GMAC DAN JKG



Ceramah berkaitan Akta Kebajikan Haiwan 2015 dan Jawatankuasa Etika Haiwan (IACUC) telah disampaikan oleh Dr Razlina sempena Bengkel Pembangunan Kapasiti GMAC dan JKG anjuran Jabatan Biokeselamatan pada 7 Mac 2024 bertempat di Double Tree Hilton, Putrajaya.

PURRFECT RAYA, NUSENTRAL



Pasukan Seksyen Kebajikan Haiwan berada di Purrfect Raya, NuSentral bermula jam 10.00 pagi sehingga 3.00 petang bermula 19-20 Mac 2024.

KUNJUNGAN HORMAT KE PEJABAT DEKAN FAKULTI PERUBATAN VETERINAR, UPM



Kunjungan hormat ke Pejabat Dekan Fakulti Perubatan Veterinar, UPM. Kunjungan hormat diketuai oleh Pengarah Bahagian Regulatori Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak selaku Anggota Lembaga Kebajikan Haiwan dan Dr. Marzuna binti Md Yunus Setiausaha Lembaga Kebajikan Haiwan.

SAMBUTAN HARI VETERINAR SEDUNIA 2024



Sambutan Hari Veterinar Sedunia 2024 yang diadakan di Maeps Serdang bermula dari 25 April sehingga 28 April 2024 jam 10 pagi hingga 10 malam.

KURSUS KESEDARAN PERUNDANGAN MELIBATKAN HAIWAN



Kursus Kesedaran Perundangan Melibatkan Haiwan Kepada Penggiat Industri Haiwan Kesayangan yang bertempat di Ace Club – Amerin, Balakong anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) dan Malaysia Cat Groomers Association (MCGA). Kursus ini diadakan pada 29 – 30 April 2024 di Balakong, Selangor.



TAZKIRAH KEBAJIKAN HAIWAN DALAM PENGURUSAN HAIWAN KORBAN



Tazkirah Kebajikan Haiwan Dalam Pengurusan Haiwan Korban di Masjid Al-Ikhlasih, Pantai Dalam pada solat Jumaat 7 Jun 2024.

SESI TAKLIMAT PENYEMBELIHAN KORBAN SEMPENA HARI RAYA AIDIL ADHA 2024 BAGI W.P KUALA LUMPUR / PUTRAJAYA



Seksyen Kebajikan Haiwan telah memberikan taklimat berhubung Kebajikan Haiwan Dalam Pengurusan Haiwan Korban kepada Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid/Surau Jumaat sekitar W.P Kuala Lumpur/Putrajaya. Ini untuk memastikan haiwan korban diuruskan memenuhi keperluan kebajikan haiwan semasa pengangkutan, penyimpanan dan penyembelihan haiwan korban berkenaan pada 10 Jun 2024.

KURSUS AKTA KEBAJIKAN HAIWAN BAGI PEGAWAI KEBAJIKAN HAIWAN DVS SELANGOR TAHUN 2024 PADA 20/5/2024



Anjuran DVS Selangor - Latihan kepada pegawai kebajikan haiwan dalam menjalankan tugas penguatkuasaan Akta berkaitan aduan serta memberi kefahaman yang lebih mendalam berhubung dengan Akta 772.

PROGRAM #LUVYOURPET MDSB 2024



Program #luvyourpet MDSB 2024 yang telah diadakan pada 29 Jun 2024 bermula jam 8.00 pagi - 3.00 petang di Gelanggang Bola Keranjang, Jalan Bagan, Bagan Sungai Besar.

MENANDATANGANI MOU ANTARA DVS DAN MALAYSIA RAIL LINK SDN. BHD. (MRL)



Menandatangani MOU antara DVS dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan YBhg. Dato' Darwis bin Abdul Razak, CEO MRL pada 2 Ogos 2024.

Kerjasama strategik dalam pembangunan Pek Sumber Kebajikan Haiwan bagi Prasekolah ini adalah untuk memberi pendidikan formal dan kesedaran berkaitan kebajikan haiwan kepada murid-murid prasekolah di bawah KPM di seluruh Malaysia.

KURSUS PEMANTAPAN FUNGSI JAWATANKUASA PENJAGAAN DAN PENGGUNAAN HAIWAN MAKMAL (ACUC-MOH) 2024

Seksyen Kebajikan Haiwan telah menerima undangan daripada Institut Kesihatan Negara untuk menyampaikan ceramah semasa Kursus Pemantapan Fungsi Jawatankuasa Penjagaan dan Penggunaan Haiwan Makmal (ACUC-MOH) 2024 bertempat di NIH Setia Alam. Ceramah yang bertajuk "Peranan, Keahlian dan Tanggungjawab IACUC dalam Etika Penggunaan dan Kebajikan Haiwan" telah disampaikan oleh Dr. Razlina Raghaзли.



HARI KARNIVAL KUCING MADANI



Pasukan Seksyen Kebajikan Haiwan berada di Hari Karnival Kucing Madani yang telah diadakan di Institut Latihan DBKL (IDB) pada 10-11 Ogos. Turut hadir Dr Ani Yardi dalam menyampaikan ceramah bertajuk kepentingan menjaga kebajikan haiwan untuk memberi kesedaran kepada semua pengunjung tentang kepentingan dalam menjaga kebajikan haiwan



MAJLIS PELANCARAN LAMAN KUCING DBKL, TAMAN TASIK PERMAISURI, KUALA LUMPUR 13 OGOS 2024



Majlis pelancaran yang berlangsung pada 13 Ogos telah disempurnakan oleh Pegawai Eksekutif (Pembangunan Sosioekonomi), DBKL, YBrs. Tuan Ismadi bin Sakirin. Turut hadir bersama, Setiausaha Politik YAB Perdana Menteri Malaysia, Datuk Azman bin Hj. Abidin. Mewakili DVS, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar, YBrs. Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak, Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar, Dr. Marzuna binti Md Yunus, Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, YBrs. Dr. Muhammad Syazwan bin Muhammad Sabri dan Ketua Bahagian Kesihatan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dr. Zamir bin Zanon.

WAWANCARA DI MALAYSIA HARI INI, TV3



YBrs. Dr. Marzuna binti Md Yunus, Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan, Bahagian Regulatori Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan Khalid Rashid, Presiden Kelab Kucing Malaysia yang membicarakan topik mengenai "KEZALIMAN TERHADAP HAIWAN".

MAJLIS PELUNCURAN PEK SUMBER KEBAJIKAN HAIWAN @ PRASEKOLAH



Majlis ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Badrul Hisham Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Turut hadir YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar dan Dr. Mohammad Razli bin Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar. Jabatan Perkhidmatan Veterinar dengan kerjasama Kementerian Pendidikan telah membangunkan pek sumber kebajikan haiwan bertujuan untuk memberi pendidikan formal dan menerapkan budaya menyayangi haiwan kepada murid prasekolah. Majlis ini telah diadakan pada 15 Ogos 2024 (Khamis) jam 8.00 Pagi di SK Putrajaya Presint 16(2), WP Putrajaya.



EKSPO KUCING 2024



Ekspo Kucing 2024 yang telah diadakan di World Trade Center (WTC) pada 6 – 8 September 2024.

MAJLIS PEMETERAIAN MEMORANDUM



Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman antara Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama Agensi-Agensi Luar & Pertukaran Nota Kerjasama Strategik antara Jabatan Pertanian bersama Universiti Putra Malaysia pada 20 September 2024 di Serdang.

PENYERAHAN ANJING BAKA HUSKY



22 Oktober 2024 | Ampang

Penyerahan anjing baka Husky yang dikenali sebagai Kitster kepada pemilik baharu, YBhg. Dato' Sri Sunny Ung telah diadakan pada hari ini bertempat di Taman D'Suria, Ampang. Turut hadir YBrs. Dr. Mohammad Razli Abdul Razak, Pengarah Bahagian Regulatori Veterinar, YBrs. Dr. Marzuna Md Yunus, Ketua Seksyen Kebajikan Haiwan dan pegawai-pegawai dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Putrajaya dan DVS Negeri Selangor.

SAMBUTAN HARI PERIKANAN SEDUNIA 2024



Sambutan Hari Perikanan Sedunia 2024, bertempat di Anjung Floria, 2 dan 3 November 2024.



SAMBUTAN HARI RABIES SEDUNIA



Pasukan Seksyen Kebajikan Haiwan berada di Sambutan Hari Rabies Sedunia yang telah diadakan di Palm Mall Seremban Negeri Sembilan, pada 9 November 2024. Turut hadir Dr Ani Yardi dalam menyampaikan ceramah berkaitan kebajikan haiwan kepada semua pengunjung tentang kepentingan dalam menjaga kebajikan haiwan.

SAMBUTAN WORLD AMR AWARENESS WEEK 2024 (WAAW 2024)



Pasukan Seksyen Kebajikan Haiwan berada di Everly Hotel Putrajaya sempena Sambutan World AMR Awareness Week 2024 (WAAW 2024) Peringkat Kebangsaan pada 19 November 2024.



SAMBUTAN HARI INTEGRITI DVS TAHUN 2024



Sempena Sambutan Hari Integriti DVS Tahun 2024, bertempat di dewan serbaguna KPKM, pasukan Seksyen Kebajikan Haiwan turut menyertai pameran untuk memeriahkan sambutan ini pada 21 November 2024.

PERBINCANGAN MEJA BULAT MENGENAI KESEDARAN, PENGURUSAN DAN KEMAMPAHAN HAIWAN DI INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DAN MASJID-MASJID DI WILAYAH PERSEKUTUAN & PUTRAJAYA DIRASMIKAN OLEH TENGGU PERMAISURI NORASHIKIN BINTI ABDUL RAHMAN.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, YBr. Dr. Akma binti Ngah Hamid menghadiri Majlis perbincangan meja bulat mengenai kesedaran, pengurusan dan kemampuhan haiwan di Institusi Pengajian Tinggi dan masjid-masjid di Wilayah Persekutuan & Putrajaya yang dirasmikan oleh Tengku Permaisuri Norashikin binti Abdul Rahman yang telah diadakan di Dewan Bankuet Aras 5, Bangunan Abdul Rauf, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada 19 Disember 2024.



PENERIMAAN SUMBANGAN MAKANAN HAIWAN KESAYANGAN



31 DISEMBER 2024 | Selasa

Penerimaan sumbangan makanan haiwan kesayangan untuk misi bantuan di negeri-negeri terjejas banjir.

Terima kasih diucapkan kepada (MNAWF) Malaysian National Animal Welfare Foundation, Pets Corner, Mars Petcares, The Official Site of Kelab Kucing Malaysia (KKM), Adabi Consumer serta Farmina Malaysia atas sumbangan makanan haiwan kesayangan bagi menjayakan misi bantuan ini.

Sumbangan ini ditempatkan di DVS W.P Kuala Lumpur sebelum diagihkan kepada DVS Negeri untuk diserahkan kepada pemilik haiwan kesayangan dan tempat perlindungan haiwan (shelter) yang terjejas banjir.



PELAKSANAAN SESI LIBAT URUS DVS-PBT

Sesi Libat Urus DVS-PBT telah dilaksanakan di sebelas (11) buah negeri dan tiga (3) buah Wilayah Persekutuan.

Setiap sesi libat urus ini dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi DVS, Pengurusan Tertinggi DVS Negeri, Jabatan Kerajaan Tempatan, wakil bagi setiap PBT di negeri, pegawai-pegawai Seksyen Kebajikan Haiwan Putrajaya, dan wakil daripada setiap DVS Daerah.

BIL.	DVS NEGERI	TARIKH PELAKSANAAN
1.	TERENGGANU	27/9/2023
2.	JOHOR	11/10/2023
3.	SELANGOR	16/10/2023
4.	PULAU PINANG	19/10/2023
5.	PERAK	9/1/2024
6.	NEGERI SEMBILAN	14/5/2024
7.	KELANTAN	10/6/2024
8.	PAHANG	10/7/2024
9.	WP LABUAN	4/7/2024
10.	PERLIS	7/11/2024
11.	KEDAH	3/10/2024
12.	MELAKA	6/11/2024
13.	WP KUALA LUMPUR/PUTRAJAYA	11/11/2024

Dialog dan resolusi yang dicapai diharap dapat menyelesaikan masalah yang telah berlarutan serta meningkatkan pengurusan haiwan terbiar yang pada yang sama tidak mengabaikan kesejahteraan manusia dan alam sekitar.

Objektif Utama Sesi Libat Urus DVS- PBT:

1. Menjelaskan peranan DVS & PBT serta punca kuasa perundangan ada.
2. Membincangkan serta mendalami masalah-masalah di lapangan dan pertindihan fungsi sekiranya ada, polisi & dasar jabatan dan PBT, serta lain-lain perkara yang mungkin menjadi isu berbangkit sejak sekian lama.

A) SESI LIBAT URUS DI DVS PERAK



Sesi libat urus Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diadakan di bilik mesyuarat JPV Perak pada 9 Januari 2024.

B) SESI LIBAT URUS DI DVS NEGERI SEMBILAN



Sesi Libat Urus Jabatan Perkhidmatan Veterinar bersama dengan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan di Negeri Sembilan berkaitan Pengurusan Haiwan Terbiar Pada 27 Mei 2024.



C) SESI LIBAT URUS DI DVS NEGERI KELANTAN



Program Sesi Libat Urus Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Kelantan bersama Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan: Pengurusan Haiwan Terbiar telah diadakan di Dewan Bunga Teratai, Kompleks Kota Darul Naim pada 10 Jun 2024.

D) SESI LIBAT URUS DI DVS NEGERI PAHANG



Sesi libat urus Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang bersama Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Pahang. Dirasmikan oleh YBrs. Dr. Akma binti Ngah Hamid, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia pada 10 Julai 2024 (Rabu) di Dewan Makmur, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pahang.



E) SESI LIBAT URUS DI DVS KUALA LUMPUR



Sesi libat urus Jabatan Perkhidmatan Veterinar Kuala Lumpur bersama Pihak Berkuasa Tempatan Kuala Lumpur dengan Kerjasama Ibu Pejabat & DVS Kuala Lumpur pada 29 November 2024.



KAWAL SELIA KEBAJIKAN HAIWAN

Kawal selia merupakan suatu aktiviti berkala yang dirancang secara berjadual bagi memantau aktiviti-aktiviti melibatkan haiwan. Arahkan Prosedur Tetap Kebajikan Haiwan [Kawal Selia](APTKH[KS]) ini, disediakan sebagai panduan kepada semua pegawai kebajikan haiwan dan pegawai lain yang terlibat bagi memastikan semua tindakan adalah teratur untuk mengelakkan sebarang kesulitan timbul jika tindakan perundangan perlu diambil.



BILANGAN PREMIS YANG PERLU DIKAWAL SELIA OLEH NEGERI (BERDASARKAN 30% DARIPADA JUMLAH PREMIS BERLESEN) BAGI TAHUN 2024

NEGERI	PREMIS BERLESEN	BIL. PREMIS PERLU DIKAWAL SELIA	PENCAPAIAN
Johor	125	15	39
Kedah	35	13	1
Kelantan	16	12	12
Melaka	22	12	0
Negeri Sembilan	34	15	19
Pahang	87	16	0
Perak	52	13	0
Perlis	7	7	0
Pulau Pinang	46	13	10
Selangor	140	13	66
Terengganu	42	11	22
W.P Kuala Lumpur	64	10	25
W.P Labuan	6	7	0
W.P Putrajaya	2	2	2
JUMLAH	680	160	196

SENARAI PREMIS YANG TELAH DIKAWAL SELIA PADA TAHUN 2024

NAMA PREMIS	NEGERI	TUJUAN
HEADS UP FOR PAWS	NEGERI SEMBILAN	PELESENAN
SHELTER FURRYKIDS SAFEHAVEN	NEGERI SEMBILAN	PELESENAN
SHELTER SAI FURRY TALES RESOURCES	NEGERI SEMBILAN	PELESENAN
MAWAR PET SHOP	NEGERI SEMBILAN	PELESENAN
B&D PET STORE	KELANTAN	PELESENAN
GM PETS SHOP	KELANTAN	PELESENAN
MYDONUT BSH CATTERY	KELANTAN	PELESENAN
KLINIK HAIWAN MAHKOTA, PASIR MAS	KELANTAN	PELESENAN
PAWSFECTION	KELANTAN	PELESENAN
LOLO CATSCARE	KELANTAN	PELESENAN
F.I.E. PET HOUSE	KELANTAN	PELESENAN
U START	KELANTAN	PELESENAN
PIKAT ENTERPTISE	KELANTAN	PELESENAN
KLINIK HAIWAN MAHKOTA, KOTA BHARU	KELANTAN	PELESENAN
AT SINAR CAHAYA TRADING	KELANTAN	PELESENAN
KITTY LOVE PET SHOP	KELANTAN	PELESENAN
HYPER PETS SRI GOMBAK	SELANGOR	PELESENAN
HYPER PETS TAMAN BUKIT INDAH	SELANGOR	PELESENAN

SENARAI PREMIS YANG TELAH DIKAWAL SELIA PADA TAHUN 2024

NAMA PREMIS	NEGERI	TUJUAN
HYPER PETS TAMAN MUDA	SELANGOR	PELESENAN
HYPER PETS KEPONG	SELANGOR	PELESENAN
HYPER PETS TAMAN KOSAS	SELANGOR	PELESENAN
HYPER PETS KUALA LUMPUR & PANDAN INDAH	KUALA LUMPUR	PELESENAN
HYPER PETS BATU 9 & KOTA DAMANSARA	SELANGOR	PELESENAN
HYPER PETS KELANA JAYA & ONE CITY	SELANGOR	PELESENAN
HYPER PETS KLANG SENTRAL & SRI KEMBANGAN	SELANGOR	PELESENAN
THE MERAKI JELATEK	KUALA LUMPUR	PELESENAN
COO & RIKU MALAYSIA SDN BHD	KUALA LUMPUR	PELESENAN



Kawal selia di premis FurryKids Safehaven, Seremban



Kawal selia di premis Heads Up For Paws, Seremban



Kawal selia di premis B & D Pet Store, Gua Musang



Kawal selia di premis GM Pets Shop, Gua Musang





Kawal selia di premis My Donut
Bsh Cattery, Tanah Merah,
Kelantan



CARTA ORGANISASI SEKSYEN KEBAJIKAN HAIWAN





LAPORAN AKTIVITI JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR NEGERI SABAH (DVS SABAH)

SENARAI AKTIVITI UNIT KEBAJIKAN HAIWAN

Bil.	Aktiviti	Lokasi	Tarikh
1.	Blood Donation Drive & Animal Adoption Campaign	Harvest Fish & Pet Sdn. Bhd., Penampang	3 Mac 2024
2.	Program Kebajikan Haiwan Bersama Stakeholders EKH 2015 Wilayah Kota Kinabalu	Bilik Mesyuarat DVS KK	8 Mac 2024
3.	Pertandingan Kucing Cantik Kaamatan sempena Pesta Kaamatan Daerah Sipitang 2024	Dewan Serbaguna Sipitang	1 Mei 2024
4.	Lawatan SKIE dan EXIM ke Alpaca Farm	Mesilau, Kundasang	6 Jun 2024
5.	Taklimat Penjagaan Kucing	Tadika Al-Baghdadi, Sembulan	13 Jun 2024
6.	Pet Kingdom Expo 2024	Sabah International Convention Centre (SICC)	5 - 8 Julai 2024
7.	Majlis Perasmian Sambutan Hari Kebajikan Haiwan 2024	Kg. Agong, Pulau Pinang	25 Julai 2024

Bil.	Aktiviti-Aktiviti	Lokasi	Tarikh
8.	Kursus Sukarelawan Kebajikan Haiwan (Tahap 1), Sandakan	Bilik Mesyuarat, DVS Sandakan	15 Ogos 2024
9.	Go Go Pets Fair	Dewan Yu Yuan, Sandakan	16 - 18 Ogos 2024
10.	Talimat Pelesenan Aktiviti yang Melibatkan Haiwan bersama anggota-anggota DVS Sandakan	Bilik Mesyuarat, DVS Sandakan	16 Ogos 2024
11.	Wild Run 2024	Parking Lot Likas Sports Complex	1 September 2024
12.	Kursus Sukarelawan Kebajikan Haiwan (Tahap 1), Kota Kinabalu	Bilik Mesyuarat MKAV, Kepyayan	2 September 2024
13.	Lawatan ke Pound DBKK bersama dengan Pembantu Menteri II, MAFFI, YB Datuk Peto Galim	Pound DBKK	6 September 2024
14.	Program Kesedaran Kesihatan Persekitaran	SM All Saints	26 September 2024

Bil.	Aktiviti-Aktiviti	Lokasi	Tarikh
15.	Program Gabungan NDV4 & Kempen Kesedaran Awam Daerah Kecil Kiulu	Dewan Kiulu	26 Oktober 2024
16.	Animal Welfare Awareness Roadshow sempena Hari Kebajikan Haiwan 2024 dan World Animal Day 2024	Dewan Masyarakat Manggatal	30 Oktober 2024
17.	Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Sabah (HPPNS)	Sabah International Convention Centre (SICC)	1 - 3 November 2024
18.	Pemeriksaan Premis di Tawau	Pekan Tawau	12 November 2024
19.	Kursus Sukarelawan Kebajikan Haiwan (Tahap 1), Tawau	Bilik Mesyuarat, DVS Tawau	13 November 2024
20.	Kursus Sukarelawan Kebajikan Haiwan (Tahap 1), Semporna	Muzium Tun Sakaran, Semporna	14 November 2024
21.	Majlis Perasmian Bangunan DVS Pitas dan Program Gabungan NDV4 dan Kempen Kesedaran Umum Daerah Pitas	DVS Pitas	30 November 2024

BLOOD DONATION DRIVE & ANIMAL ADOPTION CAMPAIGN

Aktiviti ini telah dijalankan pada 3 Mac 2024, bertempat di KK Harvest Fish & Pets Sdn. Bhd., Penampang. Kempen derma darah dan adopsi haiwan dianjurkan oleh KK Pets & Strays Services (KKPSS) dan Society for the Prevention of Cruelty to Animals (SPCA) dengan kerjasama Jabatan Perubatan Transfusi, HQE II dan DVS Sabah.

Objektif aktiviti ini ialah:

- 1.Meningkatkan kesedaran tentang kebaikan menderma darah, menanam sifat keprihatinan terhadap penderitaan insan yang memerlukan.
- 2.Memberi kesedaran kepada orang awam mengenai Enakmen Kebajikan Haiwan 2015.
- 3.Menggalakkan orang ramai untuk adopsi haiwan daripada SPCA Shelter serta memahami konsep Adopt, Don't Shop.



Hasil daripada aktiviti ini seramai 42 daripada 58 orang telah berjaya untuk menderma darah dan daripada 4 ekor anjing, 3 ekor telah berjaya diadopsi pada masa itu.

PROGRAM KEBAJIKAN HAIWAN BERSAMA PEMEGANG TARUH (STAKEHOLDERS) EKH 2015 WILAYAH KK

DVS Wilayah Kota Kinabalu bersama Unit Kebajikan Haiwan telah menganjurkan Program Kebajikan Haiwan bersama Pemegang Taruh (Stakeholders) Enakmen Kebajikan Haiwan 2015 pada 8 Mac 2024 bertempat di Bilik Mesyuarat DVS Kota Kinabalu, Kompleks Veterinar Kepayan.



Objektif aktiviti ini ialah untuk meningkatkan penghayatan serta praktik bagi memenuhi keperluan kebajikan haiwan dan menghargai haiwan dengan penglibatan semua pihak yang berkepentingan secara berterusan. Seramai 72 orang telah menghadiri program tersebut di mana sebanyak separuh (51%) daripada jumlah adalah penyertaan terdiri daripada pihak berkuasa tempatan (Dewan Bandaraya Kota Kinabalu, Majlis Daerah Penampang, Majlis Daerah Putatan dan Majlis Daerah Tuaran), kedai-kedai haiwan, klinik veterinar swasta, NGOs dan rumah perlindungan haiwan (animal shelters).

PERTANDINGAN KUCING CANTIK KAAMATAN SEMPENA PESTA KAAMATAN DAERAH SIPITANG 2024

KDCA Sipitang telah menganjurkan Pertandingan Kucing Cantik Kaamatan sempena Pesta Kaamatan di Daerah Sipitang pada 01 Mei 2024, dengan kerjasama daripada pejabat DVS Sipitang diketuai oleh Pn. Atica Jipulis Ginti dan Unit Kebajikan Haiwan. Selain daripada Pertandingan Kucing Cantik, Pertanding Mewarna bagi kanak-kanak juga telah diadakan. Taklimat Penjagaan Kucing telah disampaikan oleh En. Ronnie Bairon daripada pejabat DVS Sipitang dan ceramah Enakmen Kebajikan Haiwan 2015 & Penyakit Rabies disampaikan oleh Pn. Tracy Samson Shak daripada Unit Kebajikan Haiwan.

Objektif program ini ialah Meningkatkan penghayatan serta praktik bagi memenuhi keperluan kebajikan haiwan dan menghargai haiwan dengan penglibatan semua pihak yang berkepentingan secara berterusan.



LAWATAN SKIE DAN EXIM KE ALPACA FARM

Seksyen Kuarantin, Import & Eksport (SKIE) bersama-sama dengan Unit Kebajikan Haiwan telah membuat lawatan ke Alpaca Farm, Mesilau pada 6 Jun 2024.

Tujuan lawatan dibuat adalah memastikan kebajikan-kebajikan haiwan yang berada di premis tersebut adalah dalam keadaan yang baik.



TAKLIMAT PENJAGAAN KUCING

Unit Kebajikan Haiwan telah dijemput untuk memberikan taklimat mengenai penjagaan kucing kepada murid-murid Tadika Al-Baghdadi yang berusia dalam lingkungan umur 4 sehingga 6 tahun. Tujuan program ini dijalankan untuk memberi pendedahan awal kepada murid-murid dan untuk menyemai rasa bertanggungjawab dan empati yang mendalam kepada haiwan peliharaan.

Taklimat penjagaan Kucing disampaikan oleh Tn. Jaydee Wahid Jaikol daripada Seksyen Kuarantin, Import & Eksport (SKIE) dan taklimat ringkas 5 Kebebasan Haiwan telah disampaikan oleh Pn. Tracy Samson Shak daripada Unit Kebajikan Haiwan.



Kuiz-kuiz juga telah diajukan kepada murid-murid untuk menguji tahap pemahaman mereka mengenai ceramah yang telah disampaikan.



PET KINGDOM EXPO 2024

Pet Kingdom anjuran MX Event Hub telah diadakan di SICC sepanjang 4 hari iaitu pada 5-8 Julai 2024 dan ini adalah expo haiwan terbesar di negeri Sabah dengan kehadiran seramai hampir 10 ribu pengunjung.

Aktiviti yang ada di PKE 2024 adalah Pameran Statik daripada pihak DVS Sabah, Jabatan Hidupan Liar (JHL) Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) dan beberapa badan agensi kerajaan.

Aktiviti penjualan makanan haiwan, pameran haiwan domestik dan eksotik, Pertandingan Cat Show dan Pertandingan Betta Fish juga ada di expo tersebut.





KURSUS SUKARELAWAN KEBAJIKAN HAIWAN (TAHAP 1), SANDAKAN

Kursus Sukarelawan Kebajikan Haiwan (Tahap 1) telah diadakan di Wilayah Sandakan pada 15 Ogos 2024. Kursus ini tertumpu pada aspek penting kebajikan haiwan dan menekankan peranan penting sukarelawan dalam melindungi hak dan kesejahteraan haiwan. Kursus ini juga memberikan sukarelawan pemahaman yang menyeluruh tentang Enakmen Kebajikan Haiwan 2015, memfokuskan pada rangka kerja undang-undang untuk melindungi haiwan di Sabah. Selain itu, para peserta telah dilatih tentang cara melaporkan kekejaman haiwan dan mengurus pelesenan kebajikan haiwan melalui laman web Sistem Kebajikan Haiwan <https://welfare.davetsa.sabah.gov.my/>, melengkapkan sukarelawan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.



Kursus ini adalah bertujuan untuk memupuk sikap sukarelawan dan melakukan aktiviti-aktiviti kebajikan dalam kalangan orang awam. Kursus ini juga dapat meningkatkan kefahaman peserta mengenai Enakmen Kebajikan Haiwan 2015.

GO GO PETS FAIR SANDAKAN



GoGo Pets Fair Sandakan anjuran MX Event Hub telah diadakan di Dewan Yu Yuan sepanjang 3 hari iaitu pada 16 – 18 Ogos 2024.

Pada pet fair tersebut, terdapat pelbagai aktiviti bagi menarik perhatian pengunjung seperti penjualan makanan haiwan, pameran haiwan domestik dan eksotik, Pertandingan Cat Show dan Pertandingan Betta Fish juga ada di pet fair tersebut.

Booth pameran daripada Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Perbandaran Tawau dan Jabatan Hidupan Liar serta DVS Sabah juga telah dibuka.

Objektif aktiviti ini untuk meningkatkan penghayatan serta praktik bagi memenuhi keperluan kebajikan haiwan dan menghargai haiwan dengan penglibatan semua pihak yang berkepentingan secara berterusan.



TAKLIMAT PELESENAN AKTIVITI YANG MELIBATKAN HAIWAN BERSAMA ANGGOTA DVS SANDAKAN

Diadakan di Wilayah Sandakan pada 16 Ogos 2024. Taklimat ini tertumpu pada aspek penting kebajikan haiwan dan menekankan peranan penting anggota penguatkuasa dalam melindungi hak dan kesejahteraan haiwan. Taklimat ini juga memberikan anggota penguatkuasa pemahaman yang menyeluruh tentang Enakmen Kebajikan Haiwan 2015, memfokuskan pada rangka kerja undang-undang untuk melindungi haiwan di Sabah. Selain itu, para peserta telah dilatih tentang cara melaporkan kekejaman haiwan dan mengurus pelesenan kebajikan haiwan melalui laman web Sistem Kebajikan Haiwan <https://welfare.davetsa.sabah.gov.my/>, serta mengajar prosedur-prosedur pemeriksaan premis-premis yang menjalankan aktiviti yang melibatkan haiwan.



WILD RUN 2024

Wild Run adalah satu-satunya larian mesra haiwan peliharaan di Malaysia, dan 2024 menandakan ulang tahun Wild Run yang ke-10.



Acara Wild Run 2024 dijadualkan pada 1 September 2024 di Kota Kinabalu, dengan hasrat untuk memperjuangkan kesedaran kebajikan haiwan melalui kategori larian, di mana pemilik dan haiwan peliharaan mereka dapat berlari bersama. Objektif program ini untuk meningkatkan penghayatan serta praktik bagi memenuhi keperluan kebajikan haiwan dan menghargai haiwan dengan penglibatan semua pihak yang berkepentingan secara berterusan.

Selain daripada anjing dan kucing, terdapat pelbagai jenis haiwan pemilik bawa ke acara ini, dari sekecil seekor Hamster sehinggalah sebesar seekor kuda. Haiwan-haiwan yang mengikuti Wild Run ini telah disahkan sihat dan bebas daripada penyakit berjangkit. Anjing dan kucing diwajibkan untuk dapatkan suntikan Rabies Vaccine sebelum mengikuti acara ini.



KURSUS SUKARELAWAN KEBAJIKAN HAIWAN (TAHAP 1), KOTA KINABALU

Kursus Sukarelawan Kebajikan Haiwan (Tahap 1) telah diadakan di Wilayah Kota Kinabalu pada 02 September 2024. Kursus ini tertumpu pada aspek penting kebajikan haiwan dan menekankan peranan penting sukarelawan dalam melindungi hak dan kesejahteraan haiwan. Kursus ini juga memberikan sukarelawan pemahaman yang menyeluruh tentang Enakmen Kebajikan Haiwan 2015, memfokuskan pada rangka kerja undang-undang untuk melindungi haiwan di Sabah. Selain itu, para peserta telah dilatih tentang cara melaporkan kekejaman haiwan dan mengurus pelesenan kebajikan haiwan melalui laman web Sistem Kebajikan Haiwan <https://welfare.davetsa.sabah.gov.my/>, melengkapkan sukarelawan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.



LAWATAN KE DOG POUND DBKK BERSAMA DENGAN PEMBANTU MENTERI II MAFFI, YB DATUK PETO GALIM



YB Datuk Peto Galim, bersama-sama dengan anggota DVS Sabah, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat N.18 telah melawat pound DBKK, sekaligus membincangkan cara-cara untuk menangani isu-isu kebajikan haiwan serta isu-isu haiwan terbiar yang semakin banyak di seluruh daerah Kota Kinabalu.

Pada perbincangan tersebut, YB Datuk Peto Galim telah mencadangkan untuk membuat kempen kebajikan haiwan sempena World Animal Day 2024 yang akan berlangsung pada bulan Oktober 2024.



PROGRAM KESEDARAN KESIHATAN PERSEKITARAN ANJURAN DBKK

Mengangkat tema "Sekolah Sihat, Komuniti Sejahtera", program ini bukan sahaja menghimpunkan pelajar dan staf sekolah, tetapi juga melibatkan komuniti dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam aktiviti bermakna yang menyokong kesedaran kesihatan persekitaran.

Program ini turut menampilkan sesi ceramah yang mengupas isu-isu berkaitan kesihatan persekitaran. Fokus utama program ini adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang penjagaan kebersihan dan keselamatan makanan, amalan tandas bersih, serta pencegahan penyakit bawaan LiLaTiN (Lipas, Lalat, Tikus, dan Nyamuk). Selain itu, ceramah mengenai penjagaan haiwan peliharaan yang bertanggungjawab serta kesedaran mengenai kebajikan haiwan dan kempen menentang wabak denggi berjaya menarik tumpuan hadirin.



PROGRAM GABUNGAN NDV4 & KEMPEN KESEDARAN AWAM DAERAH KECIL KIULU

Program Gabungan NDV4 dan Kempen Kesedaran Awam anjuran DVS Wilayah KK dengan kerjasama Pusat Khidmat Rakyat P170 Tuaran yang perasmianya disempurnakan oleh DSP Wilfred Madius Tangau pada 26/10/2024.



Program ini dihadiri dengan lebih 300 peserta dan ceramah-ceramah kesihatan dan penyakit haiwan, ceramah kebajikan haiwan, perubatan veterinar telah disampaikan oleh pegawai-pegawai DVS Sabah.



HARI PELADANG, PENTERNAK DAN NELAYAN SABAH (HPPNS)

Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Sabah (HPPNS) Negeri Sabah 2024 telah membuka tirainya kepada pengunjung bermula pada 01 November dan berakhir pada 03 November 2024 dimana terdapat pelbagai gerai pameran dan jualan yang disertai oleh pelbagai Jabatan/Agensi/Pengusaha daripada Sektor Kerajaan dan Swasta. Jabatan Pertanian turut terlibat sebagai pempamer gerai pameran dan gerai promosi hasil pertanian.

Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri Sabah (HPPNS) 2024 yang bertemakan “Menuai Harapan, Membina Masa Depan” telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey G. Datuk Kitingan, Timbalan Menteri 1 merangkap Menteri Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah bagi mewakili YAB Ketua Menteri Sabah.



PEMERIKSAAN PREMIS DI SEKITAR BANDAR TAWAU PUSAT JAGAAN KUCING K10

Unit Kebajikan Haiwan dan anggota Penguatkuasa DVS Tawau bersama-sama memeriksa serta mendaftarkan premis ke dalam Sistem Kebajikan Haiwan.

Terdapat 100+ kucing yang berada di dalam pusat jagaan kucing ini yang telah diselamatkan dari jalanan. Ini untuk memastikan keperluan kebajikan dan sifat semulajadi haiwan-haiwan di pusat jagaan kucing terjaga serta melesenkan aktiviti ke dalam Sistem Kebajikan Haiwan.



PEMERIKSAAN PREMIS DI SEKITAR BANDAR TAWAU

Unit Kebajikan Haiwan dan anggota Penguatkuasa DVS Tawau bersama-sama memeriksa serta mendaftarkan premis ke dalam Sistem Kebajikan Haiwan.

Dr. Herlina binti Mohd Rapi pemilik kepada klinik haiwan ini telah diberikan penjelasan mengenai kepentingan melesenkan aktiviti yang melibatkan haiwan selaras dengan Enakmen Kebajikan Haiwan 2015.

1. HMR Veterinary Clinic
2. I Pets Shop
3. Peace Cat Villa



KURSUS SUKARELAWAN KEBAJIKAN HAIWAN (TAHAP 1), TAWAU

Kursus Sukarelawan Kebajikan Haiwan (Tahap 1) telah diadakan di Wilayah Tawau pada 14 November 2024. Kursus ini tertumpu pada aspek penting kebajikan haiwan dan menekankan peranan penting sukarelawan dalam melindungi hak dan kesejahteraan haiwan. Kursus ini juga memberikan sukarelawan pemahaman yang menyeluruh tentang Enakmen Kebajikan Haiwan 2015, memfokuskan pada rangka kerja undang-undang untuk melindungi haiwan di Sabah. Selain itu, para peserta telah dilatih tentang cara melaporkan kekejaman haiwan dan mengurus pelesenan kebajikan haiwan melalui laman web Sistem Kebajikan Haiwan <https://welfare.davetsa.sabah.gov.my/>, melengkapkan sukarelawan dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan.



MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN DVS PITAS DAN PROGRAM GABUNGAN NDV4 DAN KEMPEN KESEDARAN UMUM DAERAH PITAS

Program Gabungan NDV4 dan Kempen Kesedaran Awam anjuran DVS Wilayah Kudat dengan perasmianya disempurnakan oleh YB. Datuk Hendrus Anding, Pembantu Menteri (I) Menteri Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah.

Program ini dihadiri dengan lebih 600 peserta dan ceramah-ceramah kesihatan dan penyakit haiwan, ceramah kebajikan haiwan, perubatan veterinar telah disampaikan oleh pegawai-pegawai DVS Sabah.

Program ini juga diikuti dengan agihan bibit ayam pedaging(2000 ekor), ayam kacukan kampung(1000 ekor), itik(2000 ekor), puyuh (100ekor) dan agihan baja jagung bersalut vaksin NDV4.





LAPORAN AKTIVITI JABATAN PERLINDUNGAN HIDUPAN LIAR DAN TAMAN NEGARA (PERHILITAN)

SENARAI AKTIVITI BAHAGIAN KONSERVASI EX-SITU.

Bil.	Aktiviti	Lokasi	Tarikh
1.	Program Pemantauan dan Pemeriksaan Audit ke atas Premis Pembiakbakaan dalam Kurungan Komersial	Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka	04 – 05 Januari 2024
2.	Program Pemantauan dan Pemeriksaan Audit ke atas Premis Pembiakbakaan dalam Kurungan Komersial	Johor	03 – 04 September 2024
3.	Program Pemantauan dan Pemeriksaan Audit ke atas Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar (PMHL) Jabatan PERHILITAN	Semenanjung Malaysia (12 PKHL, 2 PMHL)	Januari - Disember 2024



PROGRAM PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN AUDIT KE ATAS PREMIS PEMBIAKBAKAAN DALAM KURUNGAN KOMERSIAL

Seksyen PKHL, Permit & Forensik Lapangan, Seksyen Veterinar dan Kakitangan Jabatan PERHILITAN Negeri melakukan audit dan pemantauan secara berkala ke atas Premis Pembiakbakaan.

Elemen utama dalam pemantauan dan pemeriksaan meliputi aspek;

- Kebajikan Hidupan Liar
- Kebersihan dan biosekuriti lading pembiakan



PEMANTAUAN PEMBIAKBAKAAN BURUNG MURAI BATU DI SELANGOR

PEMANTAUAN
PEMBIAKBAKAAN
SERANGGA DI NEGERI
MELAKA



PEMANTAUAN
PEMBIAKBAKAAN
BURUNG-BURUNG
EKSOTIK DI NEGERI
SEMBILAN

PROGRAM PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN AUDIT KE ATAS PREMIS PEMBIAKBAKAAN DALAM KURUNGAN KOMERSIAL

Seksyen PKHL, Permit & Forensik Lapangan, Seksyen Veterinar dan Kakitangan Jabatan PERHILITAN Negeri melakukan audit dan pemantauan secara berkala ke atas Premis Pembiakbakaan.

Elemen utama dalam pemantauan dan pemeriksaan meliputi aspek:

- Kebajikan Hidupan Liar
- Kebersihan dan biosekuriti lading pembiakan

Secara keseluruhan Premis Pembiakbakaan dalam keadaan baik.

Premis Pembiakbakaan disarankan untuk memastikan *footdip* di letakan di setiap pintu masuk premis.

Pembiakbakaan dinasihati untuk mematuhi Akta Pemuliharaan Hidupan Liar (Akta 716) dan Peraturan-Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pembiakbakaan Dalam Kurungan Komersial 2013)



PEMANTAUAN PEMBIAKBAKAAN LANDAK RAYA DI NEGERI JOHOR



PEMANTAUAN PEMBIAKBAKAAN SPESIS KURA-KURA DI NEGERI JOHOR



PROGRAM PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN AUDIT KE ATAS PUSAT KONSERVASI HIDUPAN LIAR (PKHL) DAN PUSAT MENYELAMAT HIDUPAN LIAR (PMHL) JABATAN PERHILITAN


Seksyen PKHL, Permit & Forensik Lapangan, Seksyen Veterinar dan Kakitangan Jabatan PERHILITAN Negeri melakukan audit dan pemantauan secara berkala ke atas PKHL/PMHL Jabatan PERHILITAN.

Elemen utama dalam pemantauan dan pemeriksaan meliputi aspek:

- Kebajikan Hidupan Liar di Pusat
- Biokeselamatan dan Biosekuriti Pusat.
- Secara Keseluruhan Biokeselamatan dan Biosekuriti Pusat dan kebajikan Hidupan Liar di Pusat dalam keadaan baik dan terjaga.
- Husbandari dan Kebajikan hidupan liar perlu sentiasa dijaga.



PEMANTAUAN PUSAT KONSERVASI HIDUPAN LIAR – TUNTUNG SUNGAI, TERENGGANU



PEMANTAUAN PUSAT KONSERVASI HIDUPAN LIAR SUNGKAI, PERAK





**LAPORAN AKTIVITI
JABATAN
KERAJAAN
TEMPATAN &
PIHAK BERKUASA
TEMPATAN
(JKT/PBT)**

SENARAI AKTIVITI

Bil.	Aktiviti	Lokasi	Tarikh
1.	Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar Tahun 2024	PBT terpilih (12 PBT yang dipilih oleh SUK Negeri)	April - Julai 2024
2.	Kursus Pengurusan Anjing Terbiar Di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (Zon Semenanjung) Tahun 2024	Dewan Orang Ramai Simpang Lima, 45300 Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor	21 – 22 Oktober 2024

KEMPEN PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR TAHUN 2024

Kempen Kesihatan Persekitaran yang telah dilaksanakan sejak tahun 2021 diteruskan pelaksanaannya dengan perluasan skop kempen agar turut merangkumi isu-isu kebersihan dan kesihatan persekitaran berkaitan yang lain demi pencegahan penyakit dan meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuk menangani kacau ganggu secara menyeluruh. Susulan itu, pihak JKT menganjurkan Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar di Kawasan PBT Tahun 2024 memandangkan anjing terbiar menimbulkan masalah yang serius kepada keselamatan dan kesihatan manusia, kesihatan haiwan, kebajikan haiwan, agama serta sosio ekonomi di kawasan PBT. Sepanjang tahun 2023, sebanyak 38,833 aduan kacau ganggu berkaitan anjing terbiar telah dilaporkan dari semua PBT di seluruh Malaysia.

OBJEKTIF KEMPEN

1. Meningkatkan kesedaran tentang tanggungjawab terhadap haiwan peliharaan dan kesan negatif anjing terbiar terhadap masyarakat dan haiwan itu sendiri.
2. Menegaskan tanggungjawab individu dengan mendorong individu untuk bertanggungjawab terhadap haiwan peliharaan mereka, termasuk melesenkan anjing, tidak membiarkan anjing peliharaan merayau dan penjagaan yang baik untuk mengelakkan pengabaian terhadap haiwan tersebut.
3. Untuk mempergiat promosi Program Adopsi dan Pelesenan Anjing Peliharaan kepada masyarakat umum.
4. Meningkatkan kesedaran tentang kesan pemberian makanan kepada anjing terbiar dan pendekatan yang lebih sesuai untuk menanganinya.
5. Mempupuk sikap pemilikan haiwan secara bertanggungjawab bagi mengelakkan pembuangan anjing peliharaan.
6. Melaksanakan kempen pelesenan anjing secara 'in-situ' dan memberi penerangan tentang kepentingan pelesenan.

Kempen Pengurusan Haiwan Terbiar Tahun 2024 yang melibatkan 12 PBT telah berjaya mencapai sasaran yang ditetapkan dari segi pengurangan aduan kacau ganggu, peningkatan bilangan pelesenan anjing, kembiri dan vaksinasi. Pelaksanaan kempen ini turut dapat menggalakkan kerjasama antara pihak berkepentingan tempatan seperti pemilik haiwan peliharaan, pihak berkuasa tempatan, agensi luar, pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat umum untuk menjaga dan menangani isu anjing terbiar secara kolektif. Ia juga merupakan satu titik permulaan bagi PBT untuk memperluaskan program sebegini ke lain-lain lokaliti yang mempunyai populasi anjing yang tinggi ataupun yang menerima aduan kacauganggu yang tinggi.

KEMPEN PENGURUSAN HAIWAN TERBIAR TAHUN 2024



Majlis Perasmian Kempen
Pengurusan Haiwan Terbiar



PBT, agensi dan masyarakat
yang terlibat dengan program



Mesyuarat bersama NGO



Taklimat kepada NGO dan
komuniti setempat



Program 'rabies awareness'
bersama komuniti



Pameran kesihatan



Ceramah Kebajikan Haiwan dari Jabatan Perkhidmatan Veterinar



Pemeriksaan kesihatan, rawatan dan vaksinasi anjing dan kucing



Kaunter pelesenan anjing



Active detection pelesenan anjing



Program adopsi haiwan





Demonstrasi tangkapan anjing secara berkebabjikan



Latihan Keselamatan dan Pengendalian
Anjing Terbiar untuk Barisan Hadapan PBT



Operasi menyelamatkan anjing terbiar bersama
pemimpin setempat, NGO dan komuniti

KEMPEN PENGURUSAN ANJING TERBIAR 2024

Meningkatkan kesedaran masyarakat dalam pengurusan anjing terbiar

2 FORUM / CERAMAH

Mengadakan forum atau ceramah dengan kerjasama agensi lain tentang isu-isu anjing terbiar (kacauganggu, kemalangan, kecederaan) dan risiko penyakit rabies

3 PROMOSI

Melaksanakan promosi dan hebahan berkaitan kepentingan sikap pemilikan haiwan yang bertanggungjawab

1 PENGLIBATAN KOMUNITI

Mengadakan libat urus bersama komuniti, melantik jawatankuasa kempen dan memberi taklimat berkaitan kempen kepada komuniti



4 PROGRAM BERSAMA KOMUNITI

Memfokuskan pemeraksanaan komuniti di dalam meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan pengurusan anjing terbiar

5 PENGLIBATAN PELBAGAI AGENSI

Menjalankan kerjasama dengan pihak JPV, NGO dan lain-lain untuk mempromosikan berkaitan kaedah pemandulan haiwan peliharaan serta program anjing angkat dengan menyediakan kemudahan dan sokongan

6 PELESENAN ANJING

Menjalankan program pelesenan anjing secara 'in-situ' semasa kempen

**TEMPOH
PELAKSANAAN
APRIL - JULAI
2024**

"TANGGUNGJAWAB BERSAMA"



JABATAN KERAJAAN TEMPATAN



KURSUS PENGURUSAN ANJING TERBIAR DI KAWASAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (ZON SEMENANJUNG) TAHUN 2024

Masalah anjing terbiar merupakan masalah serius yang menyumbang kepada peningkatan aduan dari orang awam yang diterima oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Setiap tahun, terdapat peningkatan terhadap aduan-aduan yang diterima berkaitan dengan isu keselamatan dan kesihatan manusia seperti kes serangan dan gigitan anjing. Namun begitu, sejak akhir-akhir ini, terdapat peningkatan aduan serta tular isu-isu di media sosial berkaitan penganiayaan serta kebajikan anjing terbiar di kawasan PBT. PBT seringkali dituduh melakukan kekerasan serta penganiayaan ketika melakukan aktiviti kawalan anjing terbiar.

Sehubungan itu, Jabatan Kerajaan Tempatan melalui Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran dengan kerjasama Majlis Daerah Sabak Bernam telah menganjurkan Kursus Pengurusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (Zon Semenanjung). Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan pegawai atau anggota yang bertanggungjawab melaksanakan aktiviti kawalan anjing terbiar di kawasan PBT masing-masing supaya aktiviti kawalan yang dijalankan adalah berpandukan Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

OBJEKTIF KURSUS

- i. Untuk memperkasakan pengetahuan para peserta terhadap Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT.
- ii. Untuk memberi pendedahan kepada peserta berkaitan kaedah pengendalian penangkapan secara berkebakikan.
- iii. Untuk menambahbaik pengurusan data aktiviti kawalan anjing terbiar di dalam sistem E-Profile

Kursus diadakan selama 2 hari meliputi ceramah teori dan latihan praktikal penangkapan anjing terbiar. Aturcara kursus adalah seperti di lampiran.

Kursus ini telah melibatkan seramai 40 orang peserta daripada 10 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dari Melaka dan Johor.



Pengenalan dan Taklimat Kursus disampaikan oleh En. Mohd Afif bin Asnu, Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran, Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran



Halatuju dan KPI Program Kawalan Anjing Terbiar disampaikan oleh Pn. Farah Shahana binti Ramli, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran



Tatacara Operasi Piawai (SOP) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan disampaikan oleh Datin Noorfazliza binti Ghapar Shah, Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran



Kod Amalan Kebajikan Haiwan Aktiviti Kawalan Haiwan Terbiar Serta Pengurusan Tempat Kurungan dan Perlindungan Haiwan disampaikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar



Sesi Praktikal:

Tangkapan Anjing Terbiar Secara Berkebajikan disampaikan oleh En. Abdul Khalim bin Haron, Penolong Pegawai Penguatkuasa, Majlis Daerah Sabak Bernam



KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

LAPORAN AKTIVITI **KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

SENARAI AKTIVITI

Bil.	Aktiviti	Lokasi	Tarikh
1.	Program Libat Urus Komuniti Rabies (Rabies Community Engagement Program)	Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS), Kuching, Sarawak	28 - 29 Jun 2024

PROGRAM LIBAT URUS KOMUNITI RABIES (RABIES COMMUNITY ENGAGEMENT PROGRAM)

Program ini telah dianjurkan bersama oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, MyOHUN, dan Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching. Aktiviti termasuk sesi taklimat teknikal, latihan simulasi (tabletop simulation exercise), kerja berkumpulan dan Deklarasi Koordinator Komuniti Rabies.

Modul latihan merangkumi pendekatan One Health, pengurusan gigitan anjing, pemilikan haiwan secara bertanggungjawab dan pengurusan populasi anjing (vaksinasi, pengembirian, pelesenan dan pemasangan mikrochip).


Seramai 124 peserta telah mengambil bahagian dalam Program Libat Urus Komuniti Rabies 2024, terdiri daripada pelbagai latar belakang dan sektor berkepentingan. Penglibatan ini mencerminkan pendekatan One Health yang merangkumi kesihatan manusia, haiwan dan alam sekitar, dengan penyertaan aktif daripada komuniti serta agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Daripada jumlah tersebut:

- 21 peserta mewakili sektor kesihatan manusia, termasuk pegawai kesihatan awam dan pengamal perubatan.
- 5 peserta mewakili sektor kesihatan haiwan, iaitu pegawai veterinar dan mereka yang terlibat dalam pengurusan haiwan.
- 66 peserta terdiri daripada sektor kesihatan alam sekitar, terutamanya pegawai pihak berkuasa tempatan, penguatkuasa, serta individu yang terlibat dalam pengurusan kebersihan, sisa dan persekitaran komuniti.
- 32 peserta hadir sebagai pihak sokongan teknikal, pengurusan program dan pemudah cara lapangan.



Aktiviti ini telah membangunkan pelatih (trainers) dalam kalangan pihak berkuasa tempatan dalam aktiviti pencegahan dan kawalan rabies. Selain itu, pemimpin komuniti turut dilibatkan bagi menyampaikan maklumat terkini serta peranan komuniti dalam usaha mencegah dan mengawal penyakit rabies. Program ini telah mendapat sokongan daripada pihak berkepentingan, pihak berkuasa tempatan (Majlis Bandaraya Kuching Selatan), dan pemimpin komuniti. Aktiviti ini akan diteruskan di lokaliti lain yang berisiko tinggi. Penutupan program ini disempurnakan oleh Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan dan telah mendapat liputan media tempatan. Kenyataan media berkaitan pelaksanaan aktiviti ini adalah seperti di bawah



Orang Awam Diingatkan Tidak Sembunyi Kes Gigitan Anjing

Duarikan pada 29 Jun 2024
Sembilan Berita, UNAS



Warta Tempatan Berita Sarawak

Kerjasama Semua Pihak Penting Perangi Wabak Rabies

1 Jun 2024 Tika Kurnia 2 minit bacaan



TERKINI

- Jabatan Kesihatan Labuan Pantau Pengeluaran Makanan Sepanjang Ramadan**
10 jam yang lalu
- Undang Luas Jihor Sambun Wangi Queshength**
12 jam yang lalu
- PSA Taraju Pendidikan Holistik Melalui Program Terhina Mufid**
21 jam yang lalu
- PM Sarawak Pengerusi Masyarakat Tersejati Berkuasa Dengan Meneruskan**
21 jam yang lalu
- Bulan Perak Sempena Rasm Masjid Al-Raudien**
21 jam yang lalu

SEDANG TRENDING

KUCHING: Orang awam di Sarawak diingatkan untuk tidak menyembunyi mana-mana kes yang melibatkan gigitan anjing untuk mengelak berlakunya wabak Rabies.

Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) Dato Zaidi Suhaili berkata, mereka seharusnya terus melaporkan kes berkenaan kepada klinik kesihatan ataupun hospital yang berdekatan untuk tindakan segera.

Menurutnya, laporan yang diberikan kepada klinik kesihatan mahupun hospital harus bersifat menyeluruh dan telus serta tidak menyembunyi kes gigitan anjing daripada pengetahuan doktor atau jururawat yang bertugas untuk mengelaskan masalah yang lebih teruk berlaku.

"Sekiranya anda terkena gigitan anjing, segeralah berjumpa dengan doktor dan jelaskan apa yang terjadi kepada doktor supaya rawatan awal dan sepatutnya dapat diberikan untuk mencegah virus Rabies merebak dalam badan," jelasnya.

Berita berkata demikian semasa berucap dalam majlis penutupan Bengkel Pengikutan Komuniti mengenai wabak Rabies dan Latihan Pengurusan Rabies Sarawak di MBKS di sini pada Sabtu.

Dalam program yang berlangsung selama dua hari pada 28 dan 29 Jun itu menyaksikan barisan Ketua Masyarakat dan Ketua Kaum (KMKK) telah diberikan latihan dan ceramah tentang cara pengurusan wabak Rabies.

Difahamkan pada hari pertama program, seramai 60 orang pegawai pihak berkuasa tempatan di bawah Kementerian Kesihatan Awam, Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sarawak (MPH/G) telah menyertai latihan pengurusan Rabies di Sarawak.

Sementara itu pada hari kedua, 60 KMKK yang telah dicalonkan oleh Pegawai Daerah Kuching telah menyertai latihan.

Hadir sama, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Dr Rohani Mat Bah, Ketua Sektor Zoonosis Bahagian Ka Penyelaras Kebangsaan Malaysia One Health University Network (MyOHUN) Ainul Athirah Ainsul Hisham di

KUCHING, 1 Jun (Malaysiaaktif) - Kerjasama semua pihak adalah penting dalam menangani dan mengawal penyebaran wabak Rabies di Sarawak.



Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan, Dato Zaidi Suhaili berucap semasa majlis penutupan Bengkel Pengikutan Komuniti mengenai wabak Rabies dan Latihan Pengurusan Rabies Sarawak di MBKS di sini pada Sabtu.

Coordinater"/ kata Zaidi Suhaili.

Tambahnya, Program Rabies Community Outreach memberi peluang dengan lebih dekat dalam mendidik masyarakat mengenai rabies serta meningkatkan kesedaran mengenai rabies.

"Saya berharap thru dan pengalaman yang dipelajari sepanjang program ini dapat dimanfaatkan dalam menangani wabak rabies dan kita bersama-sama berganding bahu memastikan peranan masing-masing demi keselamatan dan keselamatan komuniti kita,"ujarnya.

Sementara itu, salah seorang peserta program, Penghulu Kampung Masjid Jalan Datuk Ayhan Apol, Iskandar Landa 76 tahun, berkata, dia berasa amat gembira kerana diberi peluang untuk menambah pengetahuannya tentang rabies.

Tambahan itu, beliau berharap program seperti ini dapat diadakan lagi supaya masyarakat lebih peka tentang bahaya rabies kepada manusia.

Untuk rekod, penutupan bengkel rabies dalam kalangan manusia di Sarawak dianjurkan oleh Sarawak pada 2017 sehingga kini dalam Fikaz dengan 72 kematian.


-Ak-



Penghulu Kampung Masjid Jalan Datuk Ayhan Apol, Iskandar Landa 76 tahun, berkata, dia berasa amat gembira kerana diberi peluang untuk menambah pengetahuannya tentang rabies.

Bulan Perak Sempena Rasm Masjid Al-Raudien
21 jam yang lalu

SEDANG TRENDING



Berapakah Jumlah Wang Deposit Pilihan Raya Yang Perlu Dibayar Untuk Bertanding Bagi Parlimen Dan DUN?
30 Oktober 2024

Taman Tama Berlian Resort & Waterpark Terbaharu Baharu Kepala Batas
01 November 2023

Gemilang Muda Pelakon, Pemenuh Keselamatan Budaya
20 Mei 2019

Kewilid, Unik Mekanisme Dunia Berbahasa Terbilang
28 September 2023



LAPORAN AKTIVITI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM)

SENARAI AKTIVITI

Bil.	Aktiviti	Lokasi	Tarikh
1.	SiRI 5.5- Caring For Animals: A Journey Into Veterinary Science	Facebook Live Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee	20 Disember 2024
2.	Program Potong Royong	Dewan serbaguna MBSJ SS15	5-10 Mac 2024
3.	MNAWF WEBINAR SERIES 2024 Topic: What Cat Would Tell You If It Could?	Online Webinar	29 Ogos 2024
4.	Perfect raya 2024 NU Empire	Nu Sentral KL Sentral	12 Mac- 14 April 2024
5.	Penulisan Akhbar (Elak Kucing Sakit Jantung)	Harian Metro	18 September 2024
6.	Perbincangan Meja Bulat Kesedaran Kebajikan Haiwan	Universiti Islam Antarabangsa	19 Disember 2024

PROGRAM POTONG ROYONG



Logos: STAN OCTS, MBSJ, UPM, MBSJ, SPCA

POTONG ROYONG

Pemandulan anjing dan kucing bersubsidi
5HB - 10HB MAC 2024
KUCING - HAD KEPADA 200 EKOR
ANJING - HAD KEPADA 200 EKOR

📍 Dewan Serbaguna MBSJ SS15
Temujanji sila hubungi:
Daftar di Ticket2U.com.my / scan QR
0 11-3332 4530 (WhatsApp) / potongroyong@spca.org.my

QR codes for Kucing and Anjing

Satu program pemandulan kucing dan anjing bersubsidi secara besar-besaran dianjurkan oleh Persatuan Pencegahan Penganiayaan Haiwan (SPCA) Selangor bersama Fakulti Perubatan Veterinar UPM dan Persatuan Perubatan Veterinar Malaysia (MAVMA).



WEBINAR ATAS TALIAN



KNOW YOUR PATH 5.0
SIRI 5.5 – CARING FOR ANIMALS:
A JOURNEY INTO VETERINARY SCIENCE

TARIKH
20 DISEMBER 2024

MASA
8.00 - 10.00 MALAM

TEMPAT
FACEBOOK LIVE KOLEJ TAN SRI MUSTAFFA BABJEE

DR. SYAMIRA SYAZUANA BINTI ZAINI
 KEBAJIKAN HAIWAN
 PENSYARAH KANAN
 FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

MERIT KOLEJ DISEDIAKAN KEPADA PELAJAR KOLEJ TAN SRI MUSTAFFA BABJEE
 MERIT UNIVERSITI DISEDIAKAN KEPADA PELAJAR UPM

ANJURAN
 SEKRETARIAT JARINGAN ALUMNI DAN KERJAYA
 MPK KOLEJ TAN SRI MUSTAFFA BABJEE UPM

SEBARANG PERTANYAAN:
 Ameera: 011-56443524
 Najihah: 018-2357909

BERILMU, BERTAQWA, BERJASA

Facebook: ktmb_upm | Instagram: ktmb_upm | Twitter: ktmb_upm | LinkedIn: ktmb_upm

Berilmu Berbakti

upm.edu.my

SIRI 5.5: Caring For Animals: A Journey Into Veterinary Science

MNAWF WEBINAR SERIES 2024: What Cat Would Tell You If It Could?




MNAWF WEBINAR SERIES 2024
Topic: What cat would tell you if it could?

DATE
29th August 2024

TIME
8:00 PM - 9:00 PM

MODERATOR
 Dr Thanusha Raju
 DPI(UPMKB) DVM(UPM)
 Malaysian National Animal Welfare Foundation

REGISTER NOW

SPEAKER
 Dr Syamira Syazuana binti Zaini
 DVM (UPM), PhD (Edinburgh), ISPM AdvCertFB
 Senior Lecturer- Animal Welfare and Behaviour
 (Fakulti Perubatan Veterinar, UPM)

PERFECT RAYA 2024 NU EMPIRE



oleh Muhammad Rafiq Ismail
rafik.ismail@metro.my

Kucing yang tidak mendapat diet pemakanan yang baik dan seimbang berisiko mengalami masalah kesihatan.

Penyarah Kanan di Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia, Dr Syamira Syazuana Zaini berkata, kucing memerlukan diet yang seimbang dengan jumlah yang tepat supaya kesejahteraan hidup dan keadaan baik dan sejahtera.

"Antara kesan kucing yang tidak mendapat diet mencukupi, antaranya tidak mempunyai struktur yang baik dan mengurangkan baki."

"Selain itu, kita boleh melihat kucing ini memiliki bulu yang tidak cantik dan tumbesaran yang terbanat atau terjejas."

"Dalam kes yang lebih serius, kucing akan mengalami pertumbuhan tulang yang tidak normal, penglihatan lemah dan masalah jantung," katanya.

Menurutnya, secara amnya, pemberian makanan bersesuaian dan minuman yang bersih kepada kucing adalah salah satu daripada lima prinsip asas kebajikan haiwan.

"Jika prinsip ini tidak dijalankan dengan baik, kucing akan menghadapi pelbagai penyakit yang boleh memusnahkan kebajikan haiwan itu," katanya.

Jelasnya, kucing yang berada dalam kategori karnivor memerlukan makanan berasaskan daging dan tidak boleh diberi diet lain seperti



tumbuh-tumbuhan dan diet vegetarian.

"Terdapat 41 nutrien penting yang perlu ada dalam diet pemakanan kucing seperti protein, karbohidrat, lemak, air, asid amino dan vitamin."

"Untuk memastikan kucing menerima diet yang seimbang, kita perlu kenal pasti kandungan nutrisi pada produk bahan utama atau protein seperti ayam, ikan, asid amino (taurine), minyak ikan (Omega 3) dan vitamin," katanya.

Katanya, pemilik



ELAK KUCING SAKIT JANTUNG

Amal pemakanan diet seimbang buat si comel agar kesihatan mereka sentiasa terbelak



kepada kucing itu ada dan dalam keperluan yang mencukupi, maka ia sudah memadai. Kemungkinan bagi kebanyakan kita akan berfikir jika semakin murah sesuatu makanan, maka kualiti juga mungkin akan terjejas.

"Oleh itu, kita perlu mempunyai ilmu asas nutrisi yang diperlukan haiwan peliharaan yang boleh disepak pada pembungkusan produk, supaya kita boleh menimbang tara penggunaan produk atau jenis makanan itu."

"Antara alternatif lain yang boleh kita ambil seperti penyediaan makanan buatan sendiri untuk haiwan peliharaan. Melalui alternatif ini, kita boleh memastikan kandungan atau diet pemakanan itu dalam keadaan seimbang dan mencukupi," katanya.

Justeru itu, beliau menasihatkan setiap pemilik kucing perlu mempunyai ilmu asas pemakanan kucing yang betul dan sentiasa menjadi individu yang peka serta bertanggungjawab terhadap kesejahteraan asas kucing.

"Jika perkara asas pemakanan kucing seperti pemakanan kucing terjejas, kucing akan mudah jatuh sakit, maka pelaburan atau perbelanjaan rawatan akan lebih mahal. Hal ini akan memberikan impak yang lebih tinggi kepada pemilik haiwan," katanya.

Terdapat 41 nutrien penting yang perlu ada dalam diet pemakanan kucing seperti protein, karbohidrat, lemak, air, asid amino dan vitamin

DR SYAMIRA SYAZUANA

haiwan perlu mempunyai ilmu yang mencukupi berkenaan nutrisi asas makanan kucing.

"Selagi konsep keperluan asas dalam pemberian makanan

PEMILIK terpaksa mengeluarkan belanja tambahan untuk rawatan kucing yang sakit akibat makanan tidak berkesesuaian.



PERBINCANGAN MEJA BULAT KESEDARAN KEBAJIKAN HAIWAN





TERIMA KASIH





LEMBAGA KEBAJIKAN HAIWAN

 awa.dvs.gov.my

 admin_akh@dvs.gov.my

 SEKSYEN KEBAJIKAN HAIWAN
BAHAGIAN REGULATORI VETERINAR
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR
Aras 1, Blok Podium 1B, Lot 4G1, Wisma Tani
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan
62624 Putrajaya.

 03-8870 2349

